

**KENYATAAN PERDANA MENTERI MENGENAI  
RANCANGAN RUKUN TETANGGA DI PER-  
SIDANGAN AKHBAR DI BILIK GERAKAN  
PERDANA MENTERI, KUALA LUMPUR PADA  
10HB SEPTEMBER, 1975**

Tuan-tuan sekalian,

Saya dapati respon yang telah diberikan oleh rakyat terhadap rancangan RUKUN TETANGGA ini sangatlah menggalakkan. Berbagai pertubuhan, ketua-ketua masyarakat dan institusi pelajaran telah menyatakan keinginan untuk menubuhkan RUKUN TETANGGA ini dan keazaman mereka supaya ianya mendapat penuh kejayaan.

Kita semua tahu bahawa keadaan keselamatan yang terdapat pada masa ini memerlukan penglibatan banyak anggota Pasukan Keselamatan. Pasukan Keselamatan dikehendaki bukan sahaja di hutan, bahkan juga di kawasan bandar untuk mengawal keamanan supaya rakyat dapat hidup tanpa gangguan dan kekacauan.

Tetapi kita tidak mempunyai Pasukan Keselamatan yang besar dan mencukupi untuk menentang ancaman musuh dan anasir anti-nasional yang bertujuan merosakkan segala kemajuan yang telah kita capai.

Untuk mengurangkan beban Kerajaan dan bagi membantu Pasukan Keselamatan, rakyat terpaksa berganding bahu dan bekerjasama untuk mengawal keamanan dan menjaga keselamatan negara. Inilah masanya dan peluang bagi semua rakyat yang cintakan keamanan dan kedaulatan negara tampil ke hadapan menyumbangkan tenaga bakti secara langsung.

Rancangan RUKUN TETANGGA ini digubal tanpa mengenal batasan keturunan bangsa dan taraf kedudukan dalam masyarakat. Cara ini akan merapatkan dan mengeratkan lagi perhubungan di antara satu keturunan dengan keturunan yang lain. Pertalian hubungan ini akan menjadi lebih mesra oleh kerana mempunyai satu tujuan matlamat yang sama iaitu menjaga keselamatan dan mengawal keamanan.

Keberanian rakyat untuk tampil ke hadapan akan mendatangkan lebih banyak maklumat berkenaan dengan pergerakan anasir anti-nasional. Cara ini akan melemahkan, malahan menghapuskan pergerakan anasir anti-nasional dan pertubuhan-pertubuhan yang bertentangan dengan kepentingan negara kita seperti penyeludupan barang-barang terutama senjata api, penyalahgunaan dadah dan sebagainya.

Ahli Jawatankuasa Keamanan Penduduk dan Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung bagi kawasan yang digazetkan sebagai kawasan RUKUN TETANGGA adalah diberi kuasa setaraf dengan Polis berpangkat mata-mata (constable). Kuasa ini diberi untuk membolehkan mereka menjalankan tugas mengawal keselamatan dengan lebih berkesan dan efektif. Begitu juga bagi anggota RUKUN TETANGGA pada waktu menjalankan kawalan dalam kawasan yang telah digazetkan sebagai kawasan RUKUN TETANGGA. Ini akan mempercepatkan tindakan dan menolong Polis dalam melaksanakan tugas mereka.

Anggota RUKUN TETANGGA tidak dibayar gaji atau elaun. Tetapi apabila mereka mendapat cedera di waktu menjalankan tugas, pampasan akan dibayar menurut "Internal Security (Civilian Injuries Compensation) Regulations 1960".

Pihak Kerajaan dan swasta hendaklah mengiktirafkan masa seseorang pekerja itu menjalankan tugas RUKUN TETANGGA sebagai menjalankan tugas di pejabat Kerajaan atau swasta. Kejadian ini dianggarkan tidak selalu berlaku—tidak lebih dari dua kali dalam satu bulan dan tidak lebih dari empat jam sekali. Pekerja itu tidak akan dipotong gaji dan kekanan atau sebarang syarat perkhidmatan lain juga tidak akan terjejas. Ini adalah dianggap sebagai salah satu sumbangan dari pihak swasta terhadap ketenteraman negara.

Jika didapati seseorang cuba menghalang pergerakan anggota RUKUN TETANGGA atau membantu, bersubahat dengan anasir anti-RUKUN TETANGGA, maka orang itu akan didakwa dan jika sabit kesalahannya, akan didenda sehingga tidak lebih dari tiga tahun penjara.

Saya telah melantik Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Ahmad, untuk membantu saya dalam melaksanakan dan menjayakan rancangan RUKUN TETANGGA ini.

Saluran pentadbiran yang digunakan ialah menerusi Jawatankuasa Kerja Keselamatan Daerah, Negeri dan Majlis Keselamatan Negara. Jawatankuasa Kerja Keselamatan Mukim akan ditubuhkan apabila difikirkan sesuai kelak. Y.B. Menteri Besar/Ketua Menteri selaku Pengarah Gerakan akan melaksanakan dan menjayakan Rancangan ini di Negeri masing-masing. Mereka patutlah mengadakan Rancangan ini di Ibu Negeri dan bandar-bandar besar serta di kawasan keselamatan yang difikirkan mustahak terlebih dahulu.

Begitu juga kawasan dan kampung yang berdekatan dengan kem Pasukan Keselamatan patutlah menubuhkan RUKUN TETANGGA ini supaya dapat mengesan dan menghalang perbuatan durjana seperti yang telah berlaku di kem Pasukan Polis Hutan di Jalan Pekeliling pada 3 haribulan September yang lalu.

Saya menyeru rakyat negara ini dari semua kaum supaya tampil dengan sukarela untuk memberi sokongan sepenuhnya kepada Rancangan Rukun Tetangga ini kerana hanya dengan keamanan yang kekal kita dapat menjamin kemajuan masyarakat dan negara.